

29.11.2022

Kenyataan Media

oleh Ir. PATHMANATHAN K
CEO, PBAPP and PBA Holdings Bhd.

PBAPP AKAN LAKSANAKAN PELARASAN TARIF BEKALAN AIR BAGI KATEGORI BUKAN DOMESTIK DAN KHAS DI NEGERI PULAU PINANG MULAI 1 JANUARI 2023

- **Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) telah mewartakan pelarasan tarif air bukan domestik serta kategori khas di Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan pada 1 Ogos 2022.**
- **Pelarasan ini dilakukan berdasarkan Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) yang dibangunkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), iaitu mekanisme penetapan tarif yang sistematik, adil dan telus bagi memastikan industri perkhidmatan air negara mencapai kemapanan jangka masa panjang.**
- **Dana tambahan yang diperoleh akan dilabur semula untuk perbelanjaan modal (CAPEX), terutamanya untuk projek Pelan Kontingensi Air Mentah 2030 (RWCP 2030) PBAPP.**

PULAU PINANG, Selasa, 29.11.2022: Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) akan melaksanakan pelarasan tarif air baharu yang telah diwartakan bagi kategori bukan domestik dan khas mulai 1 Januari 2023.

Bagaimanapun, pelarasan tarif ini tidak akan melibatkan pengguna air Domestik (kecuali meter pukal domestik) di negeri Pulau Pinang. Kadar tarif air domestik di Pulau Pinang masih terendah di Malaysia.

Selain tarif bukan domestik, pelarasan tarif juga melibatkan kategori khas seperti rumah ibadat/kebajikan, premis kerajaan, institusi pengajian tinggi dan perkapalan. Oleh itu, pengguna kategori ini dijangka mengalami perubahan dalam bil air bulanan mereka bergantung kepada penggunaan air bulanan masing-masing.

Sila rujuk Lampiran untuk kadar tarif air baharu yang diwartakan.

Sebagai satu-satunya operator bekalan air bagi negeri Pulau Pinang, pelarasan tarif ini amat penting bagi PBAPP agar penaiktarafan infrastruktur bekalan air dapat dilaksanakan agar dapat memenuhi permintaan bekalan air pengguna secara mampan.

Projek Pelan Kontingensi Air Mentah (RWCP) 2030 berikut telah dirancang untuk dimulakan dalam tempoh 2022 – 2025:

- Fasa 2 Projek Naik Taraf Tangki Pemendapan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Dua (91 JLH) – September 2022
- Pakej 12A LRA Sungai Dua (114 JLH) – Disember 2023
- Paip agihan dari LRA Sungai Dua ke Butterworth – Disember 2024
- Paip agihan dari Macallum – Bukit Dumbar – Disember 2024
- Fasa 1, Loji Rawatan Air (LRA) Empangan Mengkuang (114 JLH) – Disember 2025

Kami menasihati pengguna untuk menggunakan sumber berharga ini dengan bijak. Pengguna juga dinasihatkan memasang peranti penjimatan air (WSD) di premis mereka bagi mengurangkan penggunaan air dan memastikan kelestarian. Bagi mengurangkan penggunaan air, perniagaan dan organisasi digalakkan untuk mengambil bahagian secara aktif dalam program Pensijilan Aqua Save melalui laman web Penang Green Council di www.pgc.com.my

-tamat-

Dikeluarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD**

LAMPIRAN

PERBADANAN BEKALAN AIR PULAU PINANG SDN BHD
PERATURAN KADAR PERKHIDMATAN BEKALAN AIR BAGI NEGERI PULAU PINANG : (PINDAAN) 2022

KADAR SEDIA ADA			KADAR BAHARU			
Kategori	Band	Kadar (RM)	Kategori	Band	Kadar (RM)	
Institusi Keagamaan / Amal	0-20m ³	0.22	Rumah Ibadat dan Institusi Kebajikan (Kategori Khas)	Kadar rata	0.60	
	>20-40m ³	0.46				
	>40-60m ³	0.68				
	>60-200m ³	1.17				
	>200m ³	1.30				
	Caj Minimum	2.50		Caj Minimum	6.00	
Domestik (Meter pukal) (> 16 penghuni)	0-90m ³	-	Domestik (Meter individu)	0-20m ³	0.22	
	>90m ³	0.35		>20-40m ³	0.46	
	Caj Minimum	26.00		>40-60m ³	0.68	
>60-200m ³				1.17		
		>200m ³		1.30		
		Surcaj Penjimatan Air > 35 m ³ sebulan		0.48		
		Caj Minimum		2.50		
Premis Kerajaan, sekolah, institusi pengajian tinggi, hospital (Domestik - Meter Individu)	0-20m ³	0.22	Bukan domestik			
	>20-40m ³	0.46				
	>40-60m ³	0.68				
	>60-200m ³	1.17				
	>200m ³	1.30				
Caj Minimum	2.50			0-35m ³	1.50	
Perniagaan (Biasa)	0-20m ³	0.85			>35m ³	2.10
	>20-40m ³	1.05			Caj Minimum	15.00
	>40-200m ³	1.30				
	>200m ³	1.45				
	Caj Minimum	12.00				
Perniagaan (Khas)	Kadar rata	3.00				
	Caj Minimum	12.00				
Perusahaan pemprosesan air	Kadar rata	7.00	Perkapalan (Kategori khas)	Kadar rata	7.00	
	Caj Minimum	50.00		Caj Minimum	70.00	
Perkapalan	Kadar rata	7.00				
	Caj Minimum	50.00				

Nota:

1. Perbandingan antara tarif air sedia ada dan kadar baharu selepas TSM dilaksanakan.
2. Kategori Perniagaan sedia ada kini dikategorikan di bawah bukan domestik.
3. Meter pukal dikategorikan semula sebagai domestik.